



LAPORAN LIPUTAN MEDIA ISNIN / 19 FEBRUARI 2018

- 1. KUBIS HIBRID SESUAI DITANAM DI TANAH RENDAH**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 2. PELUANG BERNIAGA MAKANAN DENGAN LPP**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 3. KARNIVAL PERKASAKAN WANITA**
 - **SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

Kubis hibrid sesuai ditanam di tanah rendah

LUMUT 18 Mac - Usaha Jabatan Pertanian Perak menanam sayur kubis di kawasan tanah rendah bercuaca panas di sini mula menampilkan hasil yang baik.

Sayur kubis varieti hibrid F1 khas untuk ditanam di tanah rendah termasuklah mengikut kesesuaian tanah, cuaca dan suhu berbanding kebiasaannya di kawasan tanah tinggi dan cuaca sejuk.

Cubaan pertama menanam kubis tersebut dijalankan di sini sejak tahun lalu di setiap pusat pertanian daerah melibatkan seorang pengusaha di setiap lokasi ternyata memberikan hasil yang baik.

Pengarah Pertanian negeri, Noorazmi Yahya berkata, tidak mustahil negeri ini khasnya daerah Manjung dijadikan sebagai hab pengeluaran kubis bulat berdasarkan hasil yang diperoleh pada pusingan pertama.

Noorazmi berkata, pihaknya perlu menunggu sehingga pusingan kedua dan ketiga tuaian bagi melihat hasil sebenar tanaman kubis itu.

"Pusingan kedua dan ketiga pada bulan ini serta Julai depan akan menentukan sama ada tanaman ini dibuka untuk diusahakan kepada umum ataupun tidak pada tahun depan," katanya di sini semalam.

Sementara itu, pengusaha



CHEAH SONG HUI menunjukkan kubis varieti hibrid F1 yang sesuai ditanam di kawasan tanah rendah dan cuaca panas di Manjung, Lumut, Perak, kelmarin.

kubis varieti hibrid F1 di sini, Cheah Song Hui, 32, berkata, tanamannya menjadi walaupun kubis ditanam di kawasan tanah rendah dan cuaca panas.

"Walaupun ini percubaan pertama, namun hasilnya agak membezakan tetapi saya harus menunggu dua lagi percubaan bagi memastikan ia berjaya sepenuhnya," katanya.

Kubis bulat yang dihasilkan di daerah Manjung boleh mencecah hingga dua kilogram berbanding di kawasan lain.

Rupa bentuk kubis juga setara dengan tanaman di tanah tinggi dengan kepadatan isi, bentuk, warna dan beratnya.

Song Hui berkata, cabaran adalah serangan ulat perosak dan dia menggunakan racun sesuai selain baja mengikut keperluan.

"Walaupun pengurusannya agak rumit, namun sayur ini mempunyai potensi tinggi serta mampu meraih keuntungan baik. Saya harap pada pusingan kedua dan ketiga nanti saya akan mendapat hasil lebih baik," katanya.

Um 19/3/18

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 19 MAC 2018 (ISNIN)
PERKARA : PERTANIAN



ZAINAL DAHLAN (dua dari kiri) diiringi Mohd. Salim Taha (tengah) bersama peniaga Mobile Food Kiosk sempena Hari Terbuka Lembaga Pertubuhan Peladang di Laman Armada Jentera, Maeps, Serdang, Selangor semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

Peluang berniaga makanan dengan LPP

KUALA LUMPUR 18 Mac - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berhasrat untuk memperluaskan penggunaan Mobile Food Kiosk bagi membolehkan orang ramai berniaga makanan tanpa perlu mencari tapak perniagaan atau membuka gerai.

Selain itu, kemudahan tersebut juga boleh ditarik dengan kereta sekali gus membolehkan peniaga beroperasi di mana-mana sahaja lokasi.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Mohd. Salim Taha berkata, kemudahan yang disediakan oleh Unit Agropenerua Muda (UAM) itu bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan berniaga di tepi jalan dengan permodalan modal yang tidak mahal.

"Bagi yang ingin memohon, permohonan boleh di buat di LPP. Pada tahun lalu, sebanyak 240 unit Mobile Food Kiosk diluluskan termasuk bantuan geran In-Kind Contribution (IKC) daripada UAM bernilai RM20,000.

"Kelebihan yang diperoleh apabila mempunyai premis Mobile Food Kiosk adalah mereka

Barang-barang (GDL); kedua, kenderaan mereka tidak perlu pemeriksaan Puspakom Sdn. Bhd. pada setiap enam bulan dan paling utama adalah kapasiti enjin kenderaan yang boleh menariknya cukup 1,000 cc ke atas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran Karnival Mobile Food Kiosk dan Hari Keluarga LPP di Serdang dekat sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengerusi LPP, Tan Sri Zainal Dahlan.

Mohd. Salim menambah, mereka yang berminat untuk memohon perlu berusia antara 18 hingga 40 tahun, warganegara, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan sedang berniaga.

Selain itu jelasnya, pemohon wajib menjadi ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Tahun ini LPP menggalakan permohonan dari Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan dan Sarawak kerana kurang permohonan dari negeri-negeri ini," ujarnya.



Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOA, Datuk Mohd Salehuddin Hassan (kiri) memberi penerangan kepada Ahmad Shabery (dua, kanan) mengenai pelan tapak Karnival Usahawanita 2018 di Pantal Kuala Keroh.



Pantal Kuala Keroh sebelum ini menjadi lokasi pengantoran program Galombang Nelayan Nasional (GNN) 2017.

Karnival perkasakan wanita

Bakal menghimpunkan 500 usahawan dan 30,000 pengunjung

RADHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan menganjurkan Karnival Usahawanita 2018 sempena program Road to Maha (Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia) 2018 Zon Timur pada 5 hingga 7 April depan di Pantal Kuala Keroh, di sini.

Menyerinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, program itu adalah salah satu inisiatif MOA dalam menyokong Talian Memperkasakan Wanita yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak.

Menurutnya, karnival yang bakal menghimpunkan seramai 500

usahawan wanita itu dijangka akan dibanjiri kira-kira 30,000 pengunjung sepanjang tiga hari program itu berlangsung.

Katanya, program berkenaan bertujuan membolehkan usahawan wanita terutamanya di samping menyediakan platform kepada mereka mempromosi produk yang dihasilkan kepada pasaran yang lebih luas.

"Ia juga bukan saja melibatkan usahawan tetapi turut melibatkan acara-arakan lain sekaligus memperkasakan wanita bukan sahaja dalam bidang pertanian tetapi juga keusahawanan.

"Program ini sepatutnya menjadi kebanggaan kepada wanita terutamanya sekali wanita desa yang berusaha tanpa jemu mengangkat martabat mereka sehingga berjaya memulihdayakan ekonomi, kesihatan dan sebagainya," katanya ketika meninjau persiapan akhir karnival ini di Pantal Kuala Keroh, kelmarin (Sabtu).

Program itu dianjurkan dengan kerjasama secara Strategi Lutan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kemajuan Luar Bandar

dan Wilayah (KKLW), Pejabat Daerah Kemaman dan Pejabat Parlimen Kemaman.

Pelbagai hasil jualan

Tarikan utama kepada orang ramai untuk datang sepanjang karnival adalah jualan pelbagai hasil tempatan termasuk bahan segar seperti ikan, buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga-buangan, jualan produk-produk asas tani, juadah popular, kendera saji, kosmetik, spa, krafangan, pusat pendidikan awal kanak-kanak serta promosi destinasi agro pelancongan.

Selain itu, pelbagai lagi aktiviti menarik menunggu pengunjung seperti forum pertanian, perkongsian ilmu dan tips oleh usahawan berjaya, demonstrasi masakan dan kraf, pertandingan memancing wanita, sukan pantai, catut, pingpong serta pameran haiwan peliharaan zoo (petting zoo).

Ia juga bakal dimeriahkan lagi dengan persembahan kebudayaan, buskers serta konsert membariskan artis-artis tempatan popular.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Kemaman itu berkata, Karnival Usahawanita 2018 tersebut diunjur-



Ahmad Shabery melihat ruang di kawasan Pantal Kuala Keroh.

kan bersempena program Road to Maha 2018 Zon Timur, iaitu yang ketiga dalam siri jelajah Maha ke beberapa lokasi, selain di Lundu Sarawak dan Teluk Intan, Perak.

"Road to Maha bertujuan membara kemerkahan Maha 2018 kepada rakyat seluruh negara, sebelum kemuncak berlangsungnya ekspose pertanian terbesar itu dari 22 November hingga 2 Disember 2018 di Tapak Ekspose Pertanian Malaysia (Maeps) Serdang.

"Maha 2018 mengedukakan tema 'Makanan Kita, Masa Depan Kita', namun kali ini menampalkan pembaharuan dengan konsep wanita dan membawa slogan 'Segalanya Wanita'.

Peluang tambah pendapatan

Tegas Ahmad Shabery, kementerianya percaya, salah satu aspek memperkasakan wanita adalah dengan membenarkan keupayaan ekonomi kepada mereka, agar mereka dapat membuat keputusan sendiri dalam menentukan kehidupan.

Katanya sektor pertanian menyediakan pelbagai ruang untuk sesiapa sahaja meningkatkan taraf hidup dan pendapatan menerusi keusahawanan, termasuk dalam bidang tanaman, industri asas tani, makanan serta kuliner.

"Sektor pertanian ini yang dahulunya mungkin dikalangan dengan kemiskinan dan tekanan keatas wanita, kini pula mampu menjadi batu loncatan untuk melonjakkan kehidupan serta memberikan ketahanan ekonomi kepada golongan tersebut.

"Maka menerusi Karnival Usahawanita 2018, Maha 2018 dan banyak lagi program tahun ini, MOA akan mengetengahkan pelbagai peluang terbuka bagi wanita mencheburi dan berjaya dalam bidang pertanian dan agro makanan," katanya.

Katanya, karnival itu juga bakal mencipta sejarah kerana merupakan karnival besar-besaran untuk wanita yang pertama kali diadakan di kawasan luar bandar di negara ini.



Ahmad Shabery bersama pegawai kanannya berbincang ketika tinjauan persiapan di tapak Karnival Usahawanita 2018.